

30 DEC 2000

MAHATHIR LAWAT MYANMAR MULAI RABU INI

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melawat Myanmar mulai Rabu (Jan 3) ini untuk lawatan kerja dua hari.

Satu keyataan akhbar Kementerian Luar berkata Dr Mahathir akan diiringi oleh isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Ketua setiausaha Kementerian Luar Datuk Abdul Kadir Mohd dan pegawai-pegawai kanan pejabat Perdana Menteri dan Wisma Putra.

Dalam lawatan tersebut, Perdana Menteri akan bertemu Jeneral Kanan Than Shwe, Pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara dan Perdana Menteri Myanmar.

Mereka dijangka berbincang dan bertukar pendapat berkenaan isu-isu hubungan dua hala dan juga isu-isu serantau, kata keyataan.

--BERNAMA

ES ES SR